

73

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 27 MAC 2018

RUJUKAN : 10719

SOALAN:

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes dan kerugian akibat sindiket penipuan telekomunikasi Macau Scam serta tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi perkara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memandang serius berhubung kes-kes penipuan yang berlaku di dalam negara termasuk kes penipuan telekomunikasi atau dikenali sebagai “Macau Scam” yang melibatkan kerugian besar kepada mangsa. “*Modus Operandi*” yang digunakan adalah di mana sindiket akan menghubungi mangsa dengan mendakwa beliau dari agensi penguatkuasaan atau Institusi Kewangan atau Mahkamah dan mendakwa mangsa terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram, mempunyai hutang tertunggak dengan kad kredit dan sebagainya dan memperdayakan mangsa untuk memindahkan wang ke akaun pihak ketiga kononnya menunggu siasatan kes ini dijalankan.

Statistik kes “*Macau Scam*” dan kerugian yang dialami bagi tahun 2016 sehingga 2017 (Februari) seperti berikut:-

TAHUN	KES	KERUGIAN (RM)
2016	1,976	55,201,638.53
2017	4,175	99,801,932.84
2018 (Jan – 21 Feb)	734	33,041,393.00
Jumlah	6,885	188,044,964.37

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia sentiasa komited dalam mengatasi kes-kes jenayah seumpama ini. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya

75

mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan ini. Siasatan juga turut dibuat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUAA) 2001. Selain itu, tindakan yang lebih tegas juga diambil terhadap sindiket ini menggunakan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.

Untuk tujuan tersebut, PDRM telah menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada lain-lain agensi penguatkuasa tempatan dan luar negara, pakar industri serta penyedia perkhidmatan *online* dalam usaha mengekang aktiviti jenayah atas talian seperti ini.

Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif, Kerajaan juga menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat supaya tidak mudah panik, tidak mudah percaya, sentiasa teliti dan cermat, berfikiran tenang, membuat semakan dan pengesahan sebelum mengambil sesuatu keputusan supaya tidak menjadi mangsa jenayah penipuan.